

POLISI PENERIMAAN HADIAH

Semua kakitangan CREAM **TIDAK BOLEH** meminta atau menerima sebarang hadiah, ganjaran, keraian, hiburan, pinjaman, tajaan dan sebagainya daripada individu atau syarikat yang mempunyai hubungan rasmi atau boleh mempengaruhi keputusan atau pertimbangan pihak CREAM.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana pemberian hadiah itu sukar ditolak, kakitangan boleh menerima hadiah tersebut. Jenis-jenis hadiah yang boleh diterima dengan had nilai **maksimum RM500** dan syarat berikut:

- 1 Hadiah yang telah mendapat kelulusan Ketua Bahagian
- 2 Hadiah sempena persaraan atau perkahwinan
- 3 Hadiah yang sukar ditolak
- 4 Barang bernilai rendah sebagai alat promosi seperti pen, diari, buku nota, folder, kalendar dan sebagainya
- 5 Pemberian sebagai tanda terima kasih, cenderahati atau diberikan kepada individu atau syarikat yang memberi sumbangan bagi kemajuan kerja, penceramah jemputan dan pelawat